



GEREJA HOLY FAMILY, KAJANG
11, JALAN GEREJA, 43000 KAJANG
Tel: 03-87387404/ 03-87331154
<http://www.hfckajang.org.my>
email: holyfamily@archkl.org



Scan for updates

Waktu Urusan Pejabat Paroki
Isnin -Jumaat – 9.00PG - 5.00PTG
Sabtu – 9.00PG - 1.00PTG
Ahad & Cuti Umum - TUTUP

PADERI PAROKI : REV.FR.MICHAEL CHUA
PEMBANTU PADERI : REV.FR.PHILIP CHUA
PEMBANTU PADERI : REV.FR.BONAVENTURE

MINISTRI KAMPUS HFK (UNIVERSITI/KOLEJ)
SR. MARGARET PEREIRA RGS
marge.0190705@gmail.com

MISA DI PAROKI


Hari	Tarikh	Masa	Aktiviti	Deskripsi
Sabtu	14 Jun	7.00am 5.30pm 6.00pm 7.30pm	Misa Bah. Inggeris Novena untuk Bonda Penolong Abadi Misa Bah. Inggeris Misa di UPM	Liturgi Harian
Ahad	15 Jun	7.00am 9.30am 11.30am 1.30pm	Misa Bah. Tamil Misa Bah. Inggeris Misa Bah. Mandarin Misa Bah. Malaysia	Pesta Tritunggal Maha Kudus
Isnin	16 Jun	7.00am	Misa Bah. Inggeris	Liturgi Harian
Selasa	17 Jun	7.00am	Misa Bah. Inggeris	Liturgi Harian
Rabu	18 Jun	-----	Tiada Misa - Rekoleksi Para Paderi	Liturgi Harian
Khamis	19 Jun	7.00am	Misa Bah. Inggeris	SS Philip Minh (m)
Jumaat	20 Jun	7.00am	Misa Bah. Inggeris	Liturgi Harian
Sabtu	21 Jun	7.00am 5.30pm 6.00pm 7.30pm	Misa Bah. Inggeris Novena untuk Bonda Penolong Abadi Misa Bah. Inggeris Misa di UPM	St Aloysius (m) Misa Persiapan Misa Senja Komuniti
Sunday	22 Jun	7.00am 9.30am 11.30am 1.30pm	Misa Bah. Tamil Misa Bah. Inggeris Misa Bah. Mandarin Misa Bah. Malaysia	Pesta Tubuh dan Darah Kristus (Corpus Christi)

Perarakan Corpus Christi

Perayaan **Pesta Tubuh dan Darah Kristus yang Kudus (Corpus Christi)** adalah pada **22/6/2025**. Kita akan mengadakan perarakan selepas **Misa Persiapan (senja) jam 6.00pm** pada **Sabtu, 21/6/2025**. Dengan memperarakan Ekaristi Kudus dengan penuh hormat, penuh doa dan sukacita, umat Katolik boleh menghormati Kristus dalam Ekaristi dan melayani sebagai saksi kehadiran intim Tuhan di dalam dunia dan dalam diri setiap individu. Perarakan dengan penuh semangat memaparkan Penjelmaan, atau Tuhan menjadi manusia dan dengan itu berbicara tentang cinta kasih-Nya bagi semua yang berjalan ke kehidupan kekal bersama-Nya.

Aktiviti Mengumpul Dana

Kateketikal dengan sukacitanya mengumumkan acara pengumpulan dana pada 15/06/2025 selepas semua misa bahasa. Mereka akan menjual coklat sempena Hari Bapa dan bagi menyokong para katekis yang berdedikasi, yang memainkan peranan yang sangat penting dalam memupuk iman kanak-kanak.



Selamat
Hari
Bapa

BERITA PAROKI

Malam Belia

Tema: Kebaikan bermula dengan saya

Tarikh: Jumaat, 20th Jun 2025

Masa: 7: 45mlm – 10mlm

Tempat: Bilik Fr. Henriot

Sesi bulan ini dilakukan dengan kerjasama Early Autism Project Malaysia.

Sesi ini bertujuan untuk

- Mewujudkan kesedaran tentang apa itu Autisme
- Menginspirasi budaya kebaikan dalam kalangan pelajar
- Peranan yang anda mainkan sebagai seorang remaja menangani budaya buli di sekolah dengan mereka yang berkebolehan berbeza.

Sila daftar sebelum 16th Jun 2025 (Isnin). Untuk info lanjut sila hubungi Sheila: 012-3445790



Anugerah Dominic Vendargon 2025

Permohonan adalah dibuka untuk kategori berikut :

- SPM/Cambridge IGCSE/O-Level untuk peperiksaan 2024
- SPM/Cambridge IGCSE/O-Level dengan Pengetahuan Alkitab

Butiran kriteria dan borang kelayakan boleh didapati dari pejabat paroki dan borang yang lengkap hendaklah dikembalikan selewatnya pada **01/7/2025**. Setiap paroki akan layak mendapat **SATU anugerah** sahaja dalam setiap kategori. Calon yang berjaya akan maklumkan.

PESTA KAGAPE HOLY FAMILY KAJANG 2025

"Berakar dalam iman, menuai kasih Tuhan."

Semua umat dijemput untuk menghadiri sambutan meriah Pesta KAGAPE (Kaamatan, Gawai, Panen) pada tarikh dan ketetapan seperti berikut:

Tarikh: 29 Jun 2025 (Ahad)

Masa: 1.30 ptg - 7.00 mlm

Tempat: Dewan Gereja Holy Family



Antara aktiviti dan tarikan yang akan diadakan termasuklah Misa Kudus, Cabutan Bertuah, Pertandingan Mr & Mrs KAGAPE, Makanan Tradisional, Gerai Jualan dan banyak lagi. Bagi tujuan pengumpulan dana, Kaunter Kagape akan dibuka bagi jualan tiket cabutan bertuah dan baju T-Shirt KAGAPE. Sila ke kaunter KAGAPE yang akan dibuka sebelum dan selepas Misa Kudus pada setiap hari Ahad.

**TERIMA KASIH
ATAS
SUMBANGAN
ANDA:**

7/6 & 8/6

**Pungutan
Hujung Minggu:
RM 16,217.00**

THANK YOU

Pengangkutan untuk Kongres Ekaristi

Oleh kerana tempat letak kereta terhad di Gereja St. Francis of Assisi, Cheras, paroki kami akan mengatur pengangkutan bagi mereka yang berminat untuk menghadiri Kongres Ekaristi pada Ahad, 20 Julai 2025. Sumbangan adalah sebanyak RM5 seorang.

Jadual perjalanan:


- Bertolak dari HFK: 4:00 ptg

- Bertolak dari SFA: 9:00 mlm

Program Kongres Ekaristi:

- 5:00 ptg – 6:00 ptg: Adorasi Senyap

- 6:00 ptg: Misa akan dirayakan oleh Yang Mulia Uskup Agung Julian Leow, disusuli dengan perarakan dan fellowship. Sila daftar di book barrow selepas Misa.



Devosi Kerahiman Ilahi

Tarikh/Hari: 15th Jun 2025,
Ahad

Masa: 3.00ptg

Tempat: Chapel Adorasi

